



NEGERI KEDAH DARULAMAN
Warta Kerajaan
DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARULAMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 34
Bil. 12

13 Jun 1991

TAMBAHAN No. 5
PERUNDANGAN

K. P.U. 7.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
(Akta 171)

UNDANG-UNDANG KECIL TANDAS AWAM

MAJLIS PERBANDARAN KOTA SETAR 1990

*PENETAPAN TARikh MULA BERKUATKUASA DI BAWAH
SEKSYEN 103*

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi di bawah seksyen 103 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan dan menetapkan 11 Julai 1990 sebagai tarikh mula berkuatkuasa Undang-undang Kecil tersebut.

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
(Act 171)

PUBLIC LAVATORIES

MUNICIPAL COUNCIL OF KOTA SETAR BY-LAWS 1990

*APPOINTMENT DATE OF COMMENCEMENT UNDER
SECTION 103*

In exercise of the powers conferred under section 103 of the Local Government Act 1976, the State Authority confirms and appoints 11th July 1990 as the date this By-Laws coming into force.

Bertarikh pada 11 Julai 1991 bersamaan dengan 18 Zulhijah 1411.
[PSU(K) 98/1396 SK. 28; PUN(K) 20/90]

MIHAT BIN SHAARI,
Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Negeri Kedah Darulaman

K. P.U. 9.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
 (Akta 171)

UNDANG-UNDANG KECIL TANDAS AWAM

MAJLIS DAERAH KULIM 1990

PENETAPAN TARikh MULA BERKUATKUASA DI BAWAH
 SEKSYEN 103

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi di bawah seksyen 103 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan dan menetapkan 11 Julai 1990 sebagai tarikh mula berkuatkuasa Undang-undang Kecil tersebut.

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976
 (Act 171)

PUBLIC LAVATORIES

DISTRICT COUNCIL OF KULIM
 BY-LAWS 1990

APPOINTMENT DATE OF COMMENCEMENT UNDER
 SECTION 103

In exercise of the powers conferred under section 103 of the Local Government Act 1976, the State Authority confirms and appoints 11th July 1990 as the date this By-Laws coming into force.

Bertarikh pada 11 Julai 1990 bersamaan dengan 18 Zulhijah 1411.
 [PSU(K) 98/1396 Sk. 28; PUN(K) 20/90]

MIHAT BIN SHAARI,
 Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan,
 Negeri Kedah Darulaman

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
UNDANG-UNDANG KECIL TANDAS AWAM

MAJLIS DAERAH KULIM 1990

Akta 171. PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta Kera-jaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Kulim membuat dan berikut dengan seksyen 103 Akta itu Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan Undang-undang Kecil berikut:

Nama dan pemakaian. 1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-undang Kecil Tandas Awam (Majlis Daerah Kulim)1990 dan hendaklah terpakai kepada kawasan Majlis Daerah Kulim sahaja.

Tafsiran 2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya meng-hendaki makna yang lain—

"Majlis" ertiinya Majlis Daerah Kulim.
 "tandas awam" ertiinya apa-apa bangunan, bilik atau ruang yang disekat-sekat yang mana orang-orang awam boleh pergi untuk membuang air besar, air kecil atau untuk mencuci dirinya.

"Yang Dipertua" ertiinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis Daerah Kulim dengan sah di sisi undang-undang dan termasuklah Setiausaha.

Kebersihan dan kehendak-kehendak lain. 3. Mana-mana orang yang berada dalam mana-mana tandas awam—

- (a) membuang sampah, meludah, membuang air kecil atau air besar di atas lantai melainkan di dalam bekas yang sepatutnya dibekal-bikan bagi maksud masing-masing;
- (b) membiarkan paip terbuka selepas menggunakan sama ada bekalan air sedang mengalir atau sebaliknya;
- (c) merosakkan atau memindahkan apa-apa barang dalam tandas;
- (d) mengotorkan, melukis, menyonteng atau mengecat apa-apa di atas dinding atau siling;
- (e) berperangai tidak senonoh atau tidak sopan; dan
- (f) meninggalkan mangkuk tandas dengan tidak memancurkan air selepas menggunakananya.

adalah melakukan suatu kesalahan.

Syarat-syarat penggunaan tandas awam. 4. (1) Tiada seseorangpun yang boleh membasuh apa-apa pakaian atau meninggalkan pakaian itu untuk dikeringkan dalam tandas awam.

(2) Tiada seseorangpun yang boleh menyalaikan api atau memasak makanan dalam tandas awam dan tiada seseorangpun boleh makan atau tidur di dalamnya.

(3) Tiada seseorangpun yang boleh mencuci makanan, perkakas, pinggan mangkuk atau apa-apa bekas dalam tandas awam.

(4) Tiada seseorangpun yang boleh menggunakan mana-mana tan-das awam sebagai tempat untuk menyimpan barang-barang.

(5) Tiada suatu transaksi perniagaan boleh diuruskan dalam mana-mana tandas awam.

- (6) Tiada sesiapapun dibenarkan mandi di dalam mana-mana tandas awam melainkan kemudahan mandi disediakan di dalamnya.
5. Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan yang berlanggaran dengan mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini boleh diarahkan keluar dari tandas awam oleh Majlis atau mana-mana orang yang diberikan kuasa olehnya. Kuasa untuk mengarahkan orang keluar.
6. (1) Sekiranya mana-mana tandas awam dipajak penerima pajak atau orang yang menjaga tandas awam itu hendaklah membersihkan dan menerangi tandas itu sehingga memuaskan hati Yang Dipertua. Kewajipan penerima pajak.
- (2) Penerima pajak atau orang yang menjaga mana-mana tandas awam hendaklah menyebabkan supaya sesalinan Undang-undang Kecil ini yang ditulis dengan nyata dalam bahasa kebangsaan supaya memamerkan secara berterusan di tempat yang ketara dalam tandas awam itu.
7. (1) Maka hendaklah diperuntukkan tandas awam yang berasingan untuk jantina yang berlainan yang hendaklah ditandakan dengan tanda-tanda yang sesuai. Tandas berasingan untuk berlainan jantina.
- (2) Tiada seseorangpun boleh memasuki atau menggunakan tandas bagi jantina yang berlainan.
8. (1) Jika difikirkannya perlu, Majlis boleh mengenakan caj bagi penggunaan mana-mana tandas awam, menerusi pemberitahuan dalam *Caj Warta*.
- (2) Mana-mana orang yang gagal membayar caj yang ditetapkan adalah melakukan kesalahan.
9. Mana-mana orang yang berlanggaran dengan mana-mana peruntukan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Penaalti.
10. (1) Mana-mana pegawai Pihak Berkuasa Tempatan atau mana-mana Pegawai Polis boleh menangkap tanpa waran seseorang yang melakukan di hadapannya atau yang ia percaya dengan munasabah telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Kaedah ini: Kuasa Menangkap.
- (a) jika nama atau alamat orang itu tidak diketahui olehnya dan orang itu enggan memberi nama dan alamatnya; atau
 - (b) jika ada sebab bagi meragukan yang nama atau alamat itu adalah tepat.
- (2) Seseorang yang ditangkap di bawah seksyen ini hendaklah ditahan dan hendaklah dibawa ke hadapan Mahkamah Majistret dalam tempoh dua puluh empat jam melainkan jika nama dan alamatnya dapat ditentukan terlebih dahulu daripada itu.